

Keselamatan Loji (Plant Security)

September 2008

Dalam menghadapi tarikh ulang tahun serangan pengganas di Amerika Syarikat pada bulan September 2001, kita mungkin teringat akan serangan serupa yang berlaku di merata dunia sebelum dan selepas serangan di New York and Washington tersebut (Contoh : Tokyo Subway; London; Madrid; Bali, Indonesia; Ahmedabad, India; dan beberapa serangan di Russia dan negara-negara di Timur Tengah). Sifat berbahaya (*hazardous nature*) bahan-bahan yang dikendalikan dalam industri pemprosesan memerlukan kita memberi perhatian serius bagi memastikan keselamatan (*security*) loji kita terjamin demi melindungi diri kita, rakan sekerja dan juga jiran kita yang tinggal berhampiran.



Jika anda bertugas di kemudahan simpanan atau pemprosesan bahan kimia, anda berada di kedudukan paling sesuai untuk memerhatikan atau mengenalpasti tentang masalah keselamatan di loji anda.

Apa Harus Anda Lakukan?

Semasa berada loji anda setiap hari, anda berpotensi untuk melihat sebarang masalah keselamatan yang mungkin timbul. Perhatikan dan lapurkan perkara tersebut. Berikut adalah beberapa pemerhatian yang boleh anda lakukan dan diambil tindakan:

- Lampu keselamatan yang tidak berfungsi atau tidak mencukupi untuk menerangi sesuatu kawasan
- Selak pada pintu pagar yang telah patah
- Pintu pagar yang longgar atau mempunyai ruang (*gap*) di bawahnya
- Ruang pada atau di bahagian bawah pagar; kerosakan pada pagar; pagar yang terlalu rendah; dan hakisan tanah di bahagian bawah pagar
- Objek di bahagian luar atau dalam yang terlalu hampir dengan pagar yang memudahkan penceroboh memanjatnya
- Rantai atau kunci yang tidak dikenakan dengan betul
- Pintu pagar, pintu atau tingkap di bahagian luar yang terbuka atau yang rosak dan tidak boleh ditutup sepenuhnya



Pagar yang dikelilingi semak



Kenderaan diletakkan terlalu hampir dengan pagar – memudahkan penceroboh memanjat pagar

Selain daripada itu, anda harus tahu dan patuh pada peraturan keselamatan di tempat kerja, contohnya :

- Sentiasa memakai pas keselamatan atau pengenalan diri. Jika anda ternampak sesiapa yang tidak memakainya, lapurkan kepada penyelia atau pegawai keselamatan
- Jangan pinjamkan pas keselamatan anda kepada orang lain.

Kunci yang dikenakan pada dawai jaring - tidak sekukuh jika dibandingkan dengan mengunci pada tiang pagar



Keselamatan Loji Tanggungjawab Semua!

AIChE © 2008. Hak Milik Terpelihara. Penerbitan semula untuk tujuan pendidikan adalah digalakkan. Walau bagaimana pun, terbitan semula untuk jualan oleh pihak selain CCPS adalah dilarang. Sila hubungi CCPS ccps_beacon@aiche.org atau 212-591-7319

Risalah ini boleh juga didapati dalam bahasa-bahasa berikut : Arabic, Chinese, Danish, Dutch, English, French, German, Gujarati, Hebrew, Hindi, Hungarian, Italian, Japanese, Korean, Bahasa Melayu, Marathi, Persian, Portuguese, Russian, Spanish, Swedish, and Thai.